



Headline: Tiga kumpulan Macau Scam tumpas  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 21 August 2018

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 18

## Tiga kumpulan Macau Scam tumpas

SHAHALAM - Tiga kumpulan penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai agensi penguatkuasa akhirnya masuk perangkap polis dalam serbuan berasingan di Petaling Jaya, Serdang dan Subang Jaya.

Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor berkata, dalam serbuan pertama pada 3 Ogos lalu, polis telah menggempur sebuah kondominium di Damansara, Petaling Jaya dengan menahan seramai 23 warga China.

Menurutnya, sebanyak 80 telefon bimbit, 20 unit komputer riba, router, broadband dan skrip berbahasa Mandarin telah dirampas.

"Dalam serbuan kedua di sebuah banglo pada 7 Ogos lalu di Sri Kembangan, Serdang, juga seramai 23 warga China berjaya diberkas dengan rampasan telefon bimbit (97 unit),


komputer (15 unit), buku dan nota.

"Selain itu, kumpulan ketiga juga berjaya ditumpaskan dalam serbuan pada 12 Ogos lalu di hotel di Subang Jaya dengan penahanan dua lelaki membabitkan warga tempatan dan Taiwan. Beberapa barang seperti telefon bimbit, kad ATM, simkad telah dirampas," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, semalam.

Tambahnya, modus operandi masing-masing kumpulan ini adalah berperanan sebagai 'call centre' yang mensasarkan warga China sebagai mangsa.

Malah, katanya, ada antara suspek ini dilatih dengan bayaran gaji RM3,000 selain menggunakan aplikasi WeChat dalam bahasa Mandarin.

"Polis juga mengesan di mana



Mazlan menunjukkan tangkapan suspek Macau Scam.

### KEJAYAAN POLIS

#### SERBUAN PERTAMA

- 23 warga China ditahan
- 80 telefon bimbit dirampas
- Rampas 20 unit komputer riba, router, broadband

#### SERBUAN KEDUA

- 23 warga China diberkas
- 97 telefon bimbit dirampas
- Rampas 15 unit komputer

#### SERBUAN KETIGA

- 2 ditahan
- 1 warga tempatan, 1 warga Taiwan
- Rampas telefon bimbit, kad ATM & simkad

kumpulan ketiga yang membabitkan 18 kes ini berperanan mengendalikan pemindahan wang menggunakan pemilik akaun warga tempatan dengan kerugian mencecah RM6.3 juta," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Mazlan menambah, berdasarkan laporan statistik, dalam tempoh Januari hingga 17 Ogos, pada tahun lalu, 1,350 kes dicatatkan dengan kerugian lebih RM49 juta. Manakala dalam tempoh sama, pada tahun ini mencatatkan 513 kes membabitkan kerugian hampir RM30 juta.